

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATO' SRI HAJI ISMAIL BIN MOHAMED  
SAID [ KUALA KRAU ]

TARIKH : 16 JULAI 2019

**SOALAN NO. 84**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kerajaan telah memuktamadkan pelaksanaan pembinaan Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL), terutamanya dari segi kos keseluruhan dan jajaran pembinaan.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) telah digantung perlaksanaannya bermula daripada tarikh 03 Julai 2018 sehingga 12 April 2019. Selama tempoh tersebut, pihak Kerajaan telah mengambil langkah segera untuk melaksanakan rundingan semula bagi menentukan hala tuju projek dengan pihak Kerajaan Republik Rakyat China dan pihak China Communications Construction Company Ltd. (CCCC) sebagai kontraktor utama Projek yang telah dilantik dan memeterai perjanjian kontrak kejuruteraan, perolehan, pembinaan dan pentauliahan (EPCC) Projek ECRL. Hasil utama rundingan semula tersebut adalah pengurangan kos projek ECRL daripada RM65.5 bilion kepada RM44 bilion atau pengurangan sebanyak RM21.5 billion.

2. Pengurangan kos sebanyak RM21.5 bilion ini telah berjaya dicapai melalui siri semakan semula aspek kejuruteraan dan kajian kejuruteraan nilai (value engineering) yang menyeluruh merangkumi semua aspek pelaksanaan projek. Kajian teknikal ini dijalankan bersama diantara pihak pemilik Projek yang dilantik Kerajaan, Malaysia Rail Link Sdn Bhd dan CCCC. Hasil utama kajian ialah perubahan jajaran ECRL di antara Kota Bharu, Kelantan ke Dungun, Terengganu dan jajaran di antara Mentakab, Pahang ke Pelabuhan Klang, Selangor.

3. Jajaran baru ini terutamanya berjaya mengurangkan kuantiti kerja-kerja rawatan tanah dan bilangan terowong dan laluan bertingkat yang perlu dibina sekaligus mengurangkan kos keseluruhan projek. Selain itu, jajaran baru dari Mentakab ke Pelabuhan Klang yang melalui daerah Jelevu di Negeri Sembilan telah mengelakkan Permatang Kuarza Gombak yang dirancang untuk dinobatkan sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO daripada laluan ECRL.

4. Di samping itu juga, stesen-stesen baharu telah dikenalpasti di sepanjang jajaran iaitu Bangi/Kajang, Putrajaya Sentral, Pelabuhan Klang dan stesen-stesen baharu turut dicadangkan di Selangor dan Negeri Sembilan. Stesen-stesen yang dibatalkan pula adalah Bentong, Gombak Utara, ITT Gombak, Telaga Papan, Jelawat, Pengkalan Kubor dan Wakaf Bahru.

5. Pihak MRL di dalam proses menyediakan skim keretapi yang baru bagi perubahan jajaran dari Kota Bharu ke Dungun dan jajaran Mentakab ke Pelabuhan Klang mengikut keperluan Akta Pengangkutan Awam Darat 2010. Pemeriksaan awam akan dijalankan selama tiga (3) bulan bagi orang ramai meneliti dan memberi maklumbalas terhadap jajaran tersebut.

6. Perubahan jajaran ini juga memerlukan beberapa kelulusan lain untuk dikemukakan seperti Kajian Impak Alam Sekitar (*Environmental Assessment Report*), Kajian Impak Sosial (*Social Impact Assessment*) dan Penilaian Impak Warisan (*Heritage Impact Assessment*).

**NO. SOALAN: 84**

7. Bagi negeri yang terlibat dengan perubahan jajaran seperti Kelantan, Terengganu dan Pahang, permohonan pengambilan tanah di bawah Seksyen 4 dan Seksyen 8 Akta Pengambilan Tanah 1960 akan di kemukakan semula bagi proses pewartaan. Permohonan pengambilan tanah yang baru juga akan dikemukakan kepada negeri Selangor, Negeri Sembilan dan Wilayah Persekutuan (bagi Putrajaya).

8. Projek ECRL ini dijangka akan siap dibina pada akhir Disember 2026, berbanding dengan unjuran asal pada Jun 2024.

Sekian, terima kasih.